

## KESEDARAN AMALAN WAKAF DALAM KALANGAN ANGGOTA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

### AWARENESS OF WAKAF PRACTICES AMONG THE MALAYSIAN ARMED FORCES PERSONNEL'S

Burhanuddin Jalali<sup>i</sup>, Sayuti Ab Ghani<sup>ii</sup>, Amnah Saayah Ismail<sup>iii</sup> & Rashid Nordin<sup>iv</sup>

<sup>i</sup> Profesor Madya, Jabatan Kenegaraan, Kepemimpinan dan Kenegaraan, Fakulti Pengajian Pengurusan dan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia 57000 Kuala Lumpur, [burhanuddin@upnm.edu.my](mailto:burhanuddin@upnm.edu.my)

<sup>ii</sup> Profesor Madya, Jabatan Kenegaraan, Kepemimpinan dan Kenegaraan, Fakulti Pengajian Pengurusan dan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia 57000 Kuala Lumpur, [sayuti\\_70@yahoo.com](mailto:sayuti_70@yahoo.com)

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Jabatan Kenegaraan, Kepemimpinan dan Kenegaraan, Fakulti Pengajian Pengurusan dan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia 57000 Kuala Lumpur, [amnah.ve5@gmail.com](mailto:amnah.ve5@gmail.com)

<sup>iv</sup> Pensyarah , Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Fakulti Pengajian Pengurusan dan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia 57000 Kuala Lumpur, [rashidnordin19@gmail.com](mailto:rashidnordin19@gmail.com)

| <b>Abstrak</b>   | <b>Abstract</b>   |
|--|---|
| <p><i>Dakwah Islamiah dalam Angkatan Tentera Malaysia telah bermula sejak penubuhannya pada tahun 1933 lagi dan terus di perkasa dengan penubuhan Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) pada tahun 1985. Kertas ini membincangkan sejauh manakah tahap pengetahuan dan kesedaran tentang wakaf berdasarkan usaha-usaha dakwah dan pendidikan Islam yang telah dilaksanakan oleh Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia melalui program Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam Angkatan Tentera Malaysia atau DPMKI 9/91 yang telah diwartakan melalui Majlis Angkatan Tentera Malaysia sejak tahun 1991. Metodologi kajian yang digunakan adalah berdasarkan kaedah kuantitatif serta analisis fapanan dengan menggunakan SPSS bagi menilai tahap pengetahuan dan kesiagaan kerohanian berdasarkan program yang telah dilaksanakan oleh KAGAT dan secara umumnya dapatkan kajian meenunjukkan tahap pemhamaman serta pengamalan wakaf dalam kalangan anggota tentera masih di tahap yang rendah.</i></p> | <p><i>The Islamic da'wah in the Malaysian Armed Forces has begun since its inception in 1933 and has continued to grow with the establishment of the Malaysian Armed Forces of Religious Corps (KAGAT) in 1985. This paper discusses how far the knowledge and awareness of waqf based on da'wah and education efforts has been implemented by KAGAT through the Malaysian Armed Forces Mental and Spiritual Training Policy program or DPMKI 9/91 which has been gazetted through the Malaysian Armed Forces Council since 1991. The methodology used was based on quantitative methods and analysis using SPSS to assess the level of knowledge and spiritual sensitivity based on the programs implemented by KAGAT and in general the findings showed that level of knowledge and wakaf practice among military personnel was still low.</i></p> <p><b>Keywords:</b> Da'wah, appreciation of Islam, military, waqf.</p> |

|   |  |
|---|--|
| <p><b>Kata kunci:</b> Dakwah, penghayatan Islam, tentera, wakaf</p> |  |
|---|--|

## PENDAHULUAN

Dakwah Islamiah merupakan ajakan atau seruan ke arah penerimaan dan penghayatan ajaran dan nilai-nilai Islam. Aspirasi ini dapat direalisasikan melalui pengurusan dan perancangan dakwah yang sistematik sesuai dengan saranan al-Quran supaya dakwah disampaikan dan disebar luaskan secara hikmat dan berkesan. Sehubungan dengan itu, atas kesedaran bagi menyampaikan dakwah Islamiah dengan lebih berkesan dan untuk membina anggota tentera yang beriman dan bertakwa sekali gus dapat berkhidmat dengan cemerlang dan berkesan usaha-usaha dakwah Islamiah telah dilaksanakan dalam organisasi Angkatan Tentera Malaysia secara lebih meluas dan tersusun. Kertas ini akan menjelaskan pelaksanaan dakwah dan juga usaha-usaha kesedaran amalan wakaf yang dilakukan oleh Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dalam organisasi Angkatan Tentera Malaysia dalam usaha menyampaikan mesej Islam dan memberi pemahaman dan penghayatan agama Islam kepada seluruh warga Angkatan Tentera Malaysia.

## KESEDARAN WAKAF DALAM KALANGAN ANGGOTA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Berdasarkan usaha-usaha dakwah yang telah dijalankan ternyata kefahaman Islam telah tertanam dalam diri anggota, khususnya untuk melakukan kerja atau amalan makruf bagi meninggikan syiar Islam. Dalam konteks pengetahuan dan kesedaran amalan wakaf dalam kalangan Anggota Angkatan Tentera Malaysia, usaha-usaha ini telah dilakukan oleh Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) khususnya pelaksanaan program wakaf mashaf al-Quran yang telah dimulakan sejak tahun 2010.

Program Wakaf Mashaf Al-Qur'an merupakan salah satu program untuk menghidupkan kembali budaya wakaf dan menyemarakkan institusi wakaf yang pernah menjadi tunjang kepada perkembangan dan kemajuan dunia Islam. Program ini memberi peluang kepada umat Islam di Malaysia termasuk anggota Angkatan Tentera Malaysia khususnya dan di seluruh dunia amnya supaya dapat menyalurkan bantuan dan menyumbang secara efektif ke arah pembentukan Khair Ummah (umat terbaik).

Program ini telah dilancarkan bertujuan untuk mengumpul dana bagi menampung kos dalam usaha mencetak Mashaf Al-Qur'an, kemudian diwakafkan kepada masyarakat Islam minoriti terutamanya yang dihimpit kemiskinan dan susah untuk mendapat Mashaf Al-Qur'an sama ada di dalam maupun di luar negara.

Program Wakaf Al-Qur'an buat pertama kalinya dilaksanakan di peringkat nasional pada 13 September 2007 (1 Ramadan 1428) yang dilancarkan oleh Perdana

Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Angkasapuri, Kuala Lumpur. Seterusnya program susulan untuk kali kedua telah diadakan pada 28 Ogos 2008 (26 Syaaban 1429) oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak, bertempat di Masjid Wilayah, Kuala Lumpur dan seterusnya program dengan kerjasama di antara Yayasan Restu dan Angkatan Tentera Malaysia pula telah dilancarkan pada tahun 2010 iaitu pada 1 Ramadhan 1431H di Masjid Putrajaya.

Usaha tersebut telah berjaya mengumpul dana melalui wakaf tunai, kupon dan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) sebanyak RM 1.030 juta. Melalui usaha tersebut sebanyak 50 ribu naskhah al-Qur'an Wakaf telah berjaya dicetak seterusnya majlis penghantaran telah disempurnakan oleh Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Pertahanan Malaysia pada 27 hingga 29 Julai 2011 di Cambodia pada Ogos 2011.

Pada tahun 2011, Program Wakaf al-Qur'an untuk dunia, diteruskan dan dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan Restu dan Angkatan Tentera Malaysia, di bawah naungan Menteri Pertahanan Malaysia. Projek tersebut dilihat sebagai satu projek yang amat baik dan mulia bagi membantu umat Islam seluruh dunia memiliki naskhah al-Qur'an sendiri untuk dijadikan panduan dan bacaan harian. Sedikit sebanyak projek ini merupakan satu usaha yang memperlihatkan keprihatinan umat Islam di Malaysia terhadap saudara se Islam mereka di negara-negara minoriti Islam untuk memiliki naskhah al-Quran sendiri. Fokus sasaran pada tahun ini adalah lebih kepada umat Islam di Malaysia, khususnya untuk masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak, masyarakat Orang Asli dan juga Saudara Baru.

Kaedah kutipan adalah melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), penjualan kupon, sumbangan individu serta badan-badan korporat dan juga kutipan melalui Tabung Khas Wakaf al-Qur'an di masjid-masjid seluruh Malaysia. Sumbangan program wakaf ini dilaksanakan dengan cara penjualan kupon-kupon yang bernilai RM 50.00, RM 20.00 dan RM 10.00 dan di buka kepada seluruh warga Angkatan Tentera Malaysia. Pada tahun 2012 kutipan untuk wakaf al-Quran ini telah berjumlah RM 2.5 juta Ringgit. hasil dari dana tersebut Angkatan Tentera Malaysia telah mencetak al-Quran dan telah diagihkan kepada umat Islam di Kemboja

## KAJIAN AWAL KEFAHAMAN WAKAF

Berlanjutan dari program wakaf al-Quran tersebut, satu kajian awal telah dilakukan mulai 20 Jun 2012 hingga 30 Disember 2012 bagi mengenal pasti tahap kefahaman warga Angkatan Tentera Malaysia tentang konsep wakaf yang dituntut oleh Islam serta melihat perbandingan antara tahap kefahaman anggota yang belum pernah memberikan wakaf. Kajian yang dilakukan memfokuskan populasi anggota Angkatan Tentera Malaysia dari ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia iaitu Tentera Darat, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia.

## OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, kajian awal ini bertujuan untuk meninjau tahap kefahaman warga Angkatan Tentera Malaysia terhadap konsep wakaf. Secara khususnya, kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengkaji dan mengenai pasti tahap kefahaman terhadap konsep wakaf di kalangan anggota Angkatan Tentera Malaysia.
- ii. Melihat perbandingan di antara tahap kefahaman mereka yang telah pernah memberi wakaf dengan mereka yang belum pernah memberi wakaf.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini berbentuk kajian kuantitatif iaitu mengkaji dan mengenal pasti tahap kefahaman warga Angkatan Tentera terhadap konsep wakaf dan perbandingan di antara tahap kefahaman mereka yang telah pernah memberi wakaf dengan mereka yang belum pernah memberi wakaf. Untuk mencapai hasrat tersebut, para pengkaji telah menggunakan method kajian berikut:

### 1. Pengumpulan Data

**Data Primer.** Dalam rangka untuk menjayakan penyelidikan ini, pengkaji telah mendapatkan data primer menerusi kaedah soal selidik (*questionnaires*). Set soal selidik yang lengkap telah di edar dan diisi oleh setiap responden, di mana ianya telah di edar secara rawak kepada setiap responden. Setiap soal selidik diisi secara sukarela dan segala maklumat adalah dijamin kerahsiaannya. Soalan bagi kaji selidik ini menggunakan soalan yang telah digunakan oleh Baharuddin (2006) dengan pindaan dan kesesuaian kajian ini khusus terhadap responden kajian. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

**Bahagian A:** Mengandungi soalan-soalan berkaitan demografi responden

**Bahagian B:** Mengandungi pernyataan-pernyataan yang dapat menguji tahap kefahaman responden terhadap konsep wakaf.

### 2. Populasi

Para penyelidik memilih populasi yang terdiri daripada anggota Angkatan Tentera Malaysia dari ketiga-tiga perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia.

### 3. Kaedah Persampelan

Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan secara rawak (*simple random sampling*). Sebanyak 400 responden telah dilibatkan bagi menjayakan kajian ini. Bagaimanapun, hanya sebanyak 383 maklum balas yang diterima dan dianalisis untuk kajian ini. Kesemua responden adalah anggota Angkatan

Tentera Malaysia sahaja. Setiap maklumat informasi berkenaan responden adalah untuk tujuan kajian ini sahaja dan segala maklumat yang diberi adalah rahsia.

#### **4. Kaedah Penganalisisan**

Kajian ini telah menggunakan beberapa method untuk memproses dan seterusnya menganalisis data yang dikumpul:

- i. Pemprosesan data menggunakan perisian SPSS Versi 11 (*Statistical Package for Sosial Science Version.11*). Melalui kaedah ini beberapa dapatan statistik telah diperoleh seperti frekuensi, *cross tabulation* dan sebagainya.
- ii. Analisa Deskriptif diguna pakai bagi menganalisis demografi dan juga maklum balas responden.
- iii. *Cross-tabulation* juga digunakan bagi mengenal pasti hubungan di antara beberapa pemboleh ubah, sekali gus melihat perbandingan di antara beberapa pemboleh ubah tertentu.
- iv. Ilustrasi rajah dan jadual juga diguna pakai bagi menghurai serta menjelaskan lagi dapatan kajian.

#### **PERKADARAN MAKLUM BALAS RESPONDEN**

Tahap kefahaman responden terhadap konsep wakaf diukur dengan melihat maklum balas mereka terhadap soalan-soalan berbentuk '*dichotomous*' yang telah diajukan. Perkadaran maklum balas mereka telah dikelaskan kepada sangat faham, faham, kurang faham, tidak faham dan sangat tidak faham berdasarkan skala yang telah ditetapkan seperti Jadual 1, seperti berikut:

**Jadual 1: Perkadaran Maklum Balas Kefahaman Responden Terhadap konsep wakaf**

| Makluman Balas      | Skala | Petunjuk           |
|---------------------|-------|--------------------|
| Sangat Setuju       | 5     | Sangat faham       |
| Setuju              | 4     | Faham              |
| Tidak Pasti         | 3     | Kurang Faham       |
| Tidak Setuju        | 2     | Tidak faham        |
| Sangat Tidak Setuju | 1     | Sangat tidak faham |

Konsep wakaf pula merujuk segala yang berkaitan dengan wakaf itu sendiri misalnya definisi, jenis, tujuan dan seumpamanya. Dalam kajian ini, kefahaman terhadap konsep wakaf merangkumi kefahaman responden terhadap definisi wakaf, pewakaf, harta yang boleh diwakafkan, penerima manfaat wakaf, pengurusan harta wakaf dan juga pengurusannya.

### **SOALAN KAJI SELIDIK**

Sebanyak empat belas soalan telah dikemukakan untuk dijadikan asas bagi mengukur tahap kefahaman responden. Soalan-soalan tersebut ialah:

- a. Wakaf merupakan satu bentuk sedekah.
- b. Wakaf bermakna memberikan harta milik seseorang untuk kemanfaatan orang ramai.
- c. Sesiapa saja boleh mewakafkan hartanya.
- d. Harta yang boleh diwakafkan ialah tanah dan bangunan.
- e. Seseorang tidak boleh memberi wakaf dalam bentuk wang, saham dan barang-barang berharga.
- f. Sesiapa saja boleh mengambil manfaat harta wakaf.
- g. Wakaf boleh dikhususkan kepada individu tertentu.
- h. Harta yang diwakafkan tidak boleh dijual beli.
- i. Harta wakaf tidak boleh dilaburkan.
- j. Harta wakaf tidak boleh diwariskan kepada waris pewakaf.
- k. Pewakaf boleh mengambil manfaat daripada harta yang telah diwakafkan.
- l. Seseorang itu boleh mewakafkan semua harta yang dimilikinya.
- m. Hanya Majlis Agama yang boleh menguruskan harta wakaf.
- n. Kegunaan harta wakaf hanyalah untuk membina tempat-tempat beribadat dan juga sekolah-sekolah agama.

## ANALISIS DAPATAN

### Taburan Responden Mengikut Perkhidmatan

Responden dalam kajian ini merupakan warga Angkatan Tentera Malaysia di seluruh Malaysia. Jumlah keseluruhan responden yang telah memberikan maklum balas yang lengkap dan diterima untuk kajian ini adalah seramai 383 orang. Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut perkhidmatan.


**Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Perkhidmatan**

| Perkhidmatan  | Kekerapan (f) | Peratus (%) |
|---------------|---------------|-------------|
| Tentera Darat | 195           | 50.9        |
| Tentera Laut  | 127           | 33.2        |
| Tentera udara | 61            | 15.9        |
| Jumlah        | 383           | 100         |

### Pengalaman Wakaf Oleh Responden

Persoalan sama ada pernah atau tidak mewakafkan hartanya merupakan salah satu pemboleh ubah yang penting dalam kajian ini kerana ia dapat membantu mengenal pasti hubungan di antara pengalaman dengan tahap kefahaman mereka terhadap konsep wakaf. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa 79.9% atau 306 orang responden belum pernah mewakafkan harta manakala hanya 20.1% atau 77 orang responden yang pernah mewakafkan harta.

**Carta 1 : Pengalaman Responden terhadap Amalan Wakaf**



### Kefahaman Terhadap Definisi Wakaf

Sebanyak dua pernyataan telah diajukan kepada responden untuk melihat kefahaman mereka terhadap definisi wakaf iaitu, Pertama, "wakaf merupakan satu bentuk sedekah" dan kedua, "wakaf bermakna memberikan hak milik seseorang untuk

*kegunaan ramai".* Dapatan kajian menunjukkan ramai dalam kalangan responden yang memahami bahawa wakaf adalah sebahagian dari bentuk sedekah (91%) dan memahami bahawa wakaf bermakna memberi hak milik seseorang untuk kegunaan ramai (95.3%). Maklum balas mengenai definisi wakaf dapat digambarkan dalam Jadual 3:

**Jadual 3: Kefahaman Terhadap Definisi Wakaf**

| Pemboleh ubah  | Petunjuk     | Peratus |
|--|--------------|---------|
|  | Faham        | 91%     |
| wakaf merupakan satu bentuk sedekah                                | Kurang faham | 4.0%    |
|  | Tidak faham  | 4.9%    |
| wakaf bermakna memberikan hak milik seseorang untuk kegunaan ramai | Faham        | 95.3    |
|  | Kurang faham | 2.0     |
|  | Tidak faham  | 2.7     |

### **Kefahaman Terhadap Pewakaf Yang Layak**

Persoalan mengenai siapa yang boleh memberi wakaf telah diajukan dalam bentuk pernyataan, "Sesiapa saja boleh mewakafkan hartanya". Dapatan juga menunjukkan sebahagian besar responden (78.1% atau 299 orang) faham bahawa semua orang boleh mewakafkan hartanya. Ini dapat dijelaskan dalam Jadual 4 berikut:

**Jadual 4: Kefahaman Terhadap Pewakaf Yang Layak**

| Pemboleh ubah                          | Petunjuk     | Peratus |
|--|--------------|---------|
|  | Faham        | 78.1%   |
| Sesiapa saja boleh mewakafkan hartanya | Kurang faham | 12.8%   |
|  | Tidak faham  | 9%      |

### **Kefahaman Terhadap harta yang boleh wakaf**

Jadual berikut menunjukkan tahap kefahaman responden terhadap jenis-jenis harta yang boleh diwakafkan oleh pewakaf. Dapatan maklum balas mendapati sebanyak 62.7% responden faham bahawa harta wakaf tidak semestinya dalam bentuk tanah atau bangunan, manakala selebihnya masih kurang faham (21.7%) atau tidak faham (15.5%). Dalam pernyataan "Seseorang tidak boleh memberi wakaf dalam bentuk wang, saham dan barang-barang berharga", seramai 41 % daripada responden menyatakan 'kurang faham' dan 15.5% menyatakan 'setuju' bahawa tidak boleh wakaf dalam bentuk wang, saham dan barang-barang berharga. Hanya seramai 43.4% sahaja

responden faham bahawa wang, saham dan barang-barang berharga boleh diwakafkan.

**Jadual 5: Kefahaman Terhadap Harta Yang Boleh Wakaf**

| Pemboleh ubah   | Petunjuk     | Peratus |
|---|--------------|---------|
|   | Faham        | 62.7%   |
| Harta yang boleh diwakafkan ialah tanah dan bangunan.                                   | Kurang faham | 21.7%   |
|   | Tidak faham  | 15.5%   |
| Seseorang tidak boleh memberi wakaf dalam bentuk wang, saham dan barang-barang berharga | Faham        | 43.4%   |
|   | Kurang faham | 41.0%   |
|   | Tidak faham  | 15.5%   |

#### **Kefahaman terhadap penerima Manfaat wakaf**

Secara umumnya, dalam konteks penerima manfaat wakaf, hanya separuh (51.4% atau 196 orang) responden yang faham bahawa semua anggota masyarakat boleh mengambil manfaat daripada harta wakaf manakala sebahagian lagi responden (48.6% atau 187 orang) kurang faham atau tidak faham siapa ayang boleh mengambil manfaat daripada harta wakaf. Jadual berikut menjelaskan dapatan tersebut. Maklum balas terhadap pernyataan "*Pewakaf boleh mengambil manfaat daripada harta yang telah diwakafkannya*" pula menunjukkan dapatan yang agak berbeza (lihat Jadual 6). Ini kerana, hanya lebih kurang 1/3 responden (32.3%) menunjukkan kefahaman bahawa pewakaf boleh mengambil manfaat daripada harta yang diwakafkannya, manakala 2/3 responden lagi kurang faham atau tidak faham kedudukan pewakaf terhadap harta yang telah diwakafkannya.

**Jadual 6: Kefahaman Terhadap Penerima Manfaat Wakaf**

| Pemboleh ubah   | Petunjuk     | Peratus |
|---|--------------|---------|
|   | Faham        | 51.4%   |
| Sesiapa saja boleh mengambil manfaat harta wakaf.                     | Kurang faham | 48.6%   |
|   | Tidak faham  | 0       |
| Pewakaf boleh mengambil manfaat daripada harta yang telah diwakafkan. | Faham        | 32.3%   |
|   | Kurang faham | 33.3%   |
|   | Tidak faham  | 34.3%   |

#### **Kefahaman Terhadap Jenis Wakaf**

Dalam konteks ini, responden diminta memberi maklum balas terhadap pernyataan "Wakaf boleh dikhkususkan kepada individu tertentu" untuk mengenal pasti sama ada mereka tahu atau tidak tahu bahawa wakaf boleh menjadi khusus. Dapatkan menunjukkan bahawa lebih kurang 1/3 responden (34.9%) yang tahu dan faham adanya wakaf khusus manakala 1/3 lagi (29.7%) kurang faham dan 1/3 lagi (35.4%) tidak faham dan tahu adanya jenis wakaf ini seperti di Jadual 7.

**Jadual 7: Kefahaman Terhadap Jenis Wakaf**

| Pemboleh ubah                                     | Petunjuk     | Peratus |
|---|--------------|---------|
|   | Faham        | 34.9%   |
| Wakaf boleh dikhkususkan kepada individu tertentu | Kurang faham | 29.7%   |
|   | Tidak faham  | 35.4 %  |

#### **Kefahaman Terhadap Pengurusan Harta Wakaf**

Responden dikehendaki memberi maklum balas terhadap pernyataan "Harta yang telah diwakaf tidak boleh dijual beli", "Harta wakaf tidak boleh dilaburkan" dan "Harta wakaf tidak boleh diwariskan kepada waris pewakaf bagi mengenal pasti kefahaman mereka terhadap pengurusan harta wakaf. Dapatkan dalam Jadual 8 menunjukkan responden mempunyai kefahaman yang tinggi mengenai larangan menjual harta yang telah diwakafkan (81.9% dan min pada 4.2). Bagaimanapun, lebih kurang separuh daripada responden tidak begitu jelas sama ada harta wakaf boleh atau tidak boleh dibuat pelaburan dan diwariskan kepada waris pewakaf. Ini ditunjukkan dengan tahap kefahaman sebanyak 54.6% untuk pernyataan harta wakaf tidak boleh dilaburkan dan 53% untuk pernyataan harta wakaf tidak boleh diwariskan kepada pewaris.

**Jadual 8: Kefahaman Terhadap Pengurusan Harta Wakaf**

| Pemboleh ubah                             | Petunjuk     | Peratus |
|---|--------------|---------|
|   | Faham        | 81.7%   |
| Harta wakaf tidak boleh dijual beli       | Kurang faham | 12.5%   |
|   | Tidak faham  | 5.8%    |
|   | Faham        | 54.6%   |
| Harta wakaf tidak boleh dilaburkan        | Kurang faham | 28.6%   |
|   | Tidak faham  | 16.8    |
| Harta wakaf tidak boleh diwariskan kepada | Faham        | 53%     |
| pewaris                                   | Kurang faham | 32%     |

|             |     |
|-------------|-----|
| Tidak faham | 15% |
|-------------|-----|

### **Kefahaman kegunaan harta wakaf**

Persoalan mengenai kegunaan harta wakaf juga telah diajukan dalam bentuk pernyataan "Kegunaan harta wakaf hanyalah untuk membina tempat-tempat ibadah dan sekolah-sekolah agama". Jadual 9 menunjukkan dapatan maklum balas responden. Dapatan kajian mendapati separuh daripada responden (51.9%) faham bahawa kegunaan harta wakaf bukan hanya untuk tempat ibadah dan sekolah agama, manakala selebihnya kurang faham (22.8%) atau tidak faham (25.3%) kegunaan harta tersebut.

**Jadual 9: Kefahaman Kegunaan Harta Wakaf**

| Pemboleh ubah  | Petunjuk     | Peratus |
|--|--------------|---------|
| Kegunaan harta wakaf hanyalah untuk membina tempat-tempat ibadah dan sekolah-sekolah agama | Faham        | 51.9%   |
|  | Kurang faham | 22.8%   |
|  | Tidak faham  | 25.3 %  |

### **Kefahaman Terhadap Jumlah Harta yang Boleh Di wakaf**

Jadual 10 menunjukkan dapatan mengenai kefahaman responden terhadap jumlah harta yang boleh diwakafkan oleh seseorang pewakaf. Kajian mendapati sebahagian daripada responden (48.7%) setuju dan faham bahawa dalam konteks wakaf, seseorang boleh menginfakkan semua hartanya untuk tujuan tersebut. Bagaimanapun bilangan mereka yang tidak atau kurang faham (51.3%) melebihi mereka yang faham. Ini menunjukkan tahap kefahaman masyarakat terhadap jumlah harta yang boleh di wakaf agak rendah jika dibandingkan dengan mereka yang faham.

**Jadual 10: Kefahaman Terhadap Jumlah Harta Yang Boleh Di Wakaf**

| Pemboleh ubah                             | Petunjuk     | Peratus |
|---|--------------|---------|
| Seseorang boleh mewakafkan semua hartanya | Faham        | 48.7%   |
|   | Kurang faham | 51.3%   |
|   | Tidak faham  |         |

### **Kefahaman Terhadap Pengurus Harta Wakaf**

Maklum balas mengenai pengurus harta wakaf telah ditunjukkan dalam Jadual 11. Dapatan pada jadual mendapati peratus terbesar (39.1%) adalah responden yang tidak pasti siapa seharusnya menguruskan harta wakaf. Hanya 27.9% responden tahu dan faham bahawa bukan hanya Majlis Agama yang boleh mengurus harta

wakaf, manakala 33.1% responden lagi tidak tahu siapa yang harus mengurus harta wakaf.

Kajian mendapati tahap kefahaman mereka yang telah ada pengalaman adalah lebih tinggi (45%) jika dibandingkan dengan mereka yang tidak ada pengalaman wakaf (23.5%) dalam konteks pengurus harta wakaf. Bagaimanapun, secara umumnya kebanyakannya responden masih tidak jelas siapa yang selayaknya mengurus harta wakaf. Bagi mereka, hanya Majlis Agama Islam negeri-negeri yang boleh menguruskan harta tersebut.

**Jadual 11: Kefahaman Terhadap Pengurus Harta Wakaf**

|       | Pengalaman  | Petunjuk |              | Peratus |
|-------|-------------|----------|--------------|---------|
|       |             | Faham    | Kurang faham |         |
| Ada   | Faham       | 45%      |              |         |
|       |             | 33.3%    | Kurang faham |         |
|       | Tidak faham | 21.6%    |              |         |
| Tiada | Faham       | 23.5%    |              |         |
|       |             | 40.5%    | Kurang faham |         |
|       | Tidak faham | 35.9%    |              |         |

### **Kesimpulan**

Hasil daripada tinjauan awal secara literatur dan empirik, dapatan kajian ini boleh disimpulkan seperti berikut:

- Sebahagian besar responden mempunyai tahap kefahaman yang tinggi iaitu melebihi 90% tentang dua daripada 14 persoalan yang dikemukakan, iaitu persoalan tentang maksud dan definisi wakaf. Kira-kira 3.8% sahaja yang tidak faham, manakala bakinya pada tahap kurang faham. Tahap kefahaman mereka mulai menurun tentang dua lagi persoalan lain iaitu tentang persoalan harta wakaf tidak boleh dijual beli dan persoalan siapakah pewakaf yang layak mewakafkan hartanya. Kira-kira 82% sahaja yang benar-benar faham bahawa harta wakaf tidak boleh dijual beli (18% berada pada tahap kurang dan tidak faham). Manakala 78.1% faham tentang persoalan siapakah pewakaf yang layak mewakafkan hartanya (21.9% berada pada tahap kurang dan tidak faham).
- Tahap kefahaman responden berada pada aras yang amat rendah iaitu di bawah 40% tentang tiga persoalan yang dikemukakan iaitu hanya Majlis Agama Islam sahaja yang boleh menguruskan harta wakaf, pewakaf boleh mengambil manfaat daripada harta yang telah diwakafkan dan wakaf boleh dikhurasukan kepada individu tertentu. Kira-kira 28% sahaja yang memahami

bahawa harta wakaf tidak semestinya ditadbir oleh Majlis Agama Islam (72% kurang atau tidak faham). 32.3% faham bahawa mereka masih boleh mengambil manfaat daripada harta yang telah diwakafkan (67.7% kurang atau tidak faham). Kira-kira 35% faham bahawa harta wakaf boleh dikhususkan kepada individu tertentu (65% lagi kurang atau tidak faham).

c. Secara umumnya kefahaman responden mengenai konsep wakaf yang dikemukakan berada pada tahap sederhana (kurang faham) iaitu antara 41 hingga 65%. 7 daripada 14 persoalan yang dikemukakan berada pada tahap ini. Persoalan-persoalan yang dimaksudkan ialah: Harta yang boleh diwakafkan hanyalah tanah dan bangunan; seseorang tidak boleh memberi wakaf dalam bentuk wang, saham dan barang berharga; sesiapa sahaja boleh mengambil manfaat harta wakaf; harta wakaf tidak boleh dilaburkan; harta wakaf tidak boleh diwariskan kepada waris pewakaf; seseorang itu boleh mewakafkan semua harta yang dimilikinya; dan kegunaan harta wakaf hanyalah untuk membina tempat-tempat beribadah dan juga sekolah-sekolah agama.

d. Tahap kefahaman warga Angkatan Tentera Malaysia yang terlibat dengan kajian ini masih rendah iaitu kira-kira 57.64% sahaja. Dapatkan ini mengesahkan hipotesis pertama, di peringkat awal kajian ini dilakukan iaitu tahap kefahaman warga ATM terhadap konsep wakaf adalah rendah. Kemungkinan besar jika kajian seumpama ini diperluaskan ke seluruh anggota ATM di ketiga-tiga perkhidmatan, dapatkan yang diperoleh menunjukkan keputusan yang lebih baik. Walau apa pun inilah dapatkan yang pengkaji peroleh hasil daripada maklum balas responden.

e. Secara keseluruhannya tahap kefahaman warga ATM yang ada pengalaman wakaf berada pada peratusan 67.81%, sementara tahap kefahaman mereka yang tiada pengalaman wakaf berada pada peratusan 59.65%, perbezaan tahap kefahaman mereka yang ada pengalaman wakaf dengan mereka yang tiada pengalaman hanya sekitar 8.16%. Tiada petunjuk yang jelas yang boleh mengaitkan pengalaman wakaf seseorang itu mempengaruhi tahap kefahaman mereka. Begitu juga tiada petunjuk yang jelas yang boleh mengaitkan tiada pengalaman wakaf dengan tahap kefahaman mereka. Ini bermakna hipotesis kedua kajian ini kurang tepat, walaupun tahap kefahaman mereka yang ada pengalaman wakaf lebih tinggi, namun perbezaannya amat rendah.

## **Penutup**

Berdasarkan kepada kajian, ternyata anggota Angkatan Tentera Malaysia telah mempunyai asas penghayatan Islam, namun pengetahuan dan kesedaran terhadap amalan wakaf perlu dipertingkatkan lagi. Oleh yang demikian usaha-usaha dakwah oleh Kor Agama Angkatan Tentera perlu terus dimantapkan dan diperkuuh

khususnya menekankan aspek ilmu dan penghayatan Islam dalam diri setiap anggota tentera. Selain dari itu, aspek kekuatan doa dan amal ibadah perlu dimantapkan selaras dengan kecanggihan senjata serta kekuatan jiwa dan hati juga perlu kuat seimbang dengan kekuatan fizikal dan mental.

Selain dari itu, aspek penghayatan Islam, religiositi atau kehidupan beragama amat penting di dalam kehidupan manusia kerana religiositi memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah-laku, personaliti, ketenangan emosi, keyakinan diri manusia serta kebahagiaan hidup (HAMKA 1997). Muslim yang mengamalkan Islam sebagai al-Din dikatakan menghayati Islam dalam kehidupan sehari-hari mereka Firman Allah (s.w.t.) dalam surah an-Anfal ayat 45 yang memberi panduan bagi mencapai kejayaan dalam menghadapi musuh. Firman Allah dalam Surah al-Anfal (8:45), *"Wahai orang yang beriman! apabila kamu bertemu dengan sesuatu pasukan (musuh) maka hendaklah kamu tetap teguh menghadapinya, dan sebutlah serta ingatilah Allah (dengan doa) banyak-banyak, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).*

## RUJUKAN

- Ab. Aziz Mohd Zain, Metodologi Dakwah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.
- Abdullah Basemeih, Al-Quran Al-Karim Dan Tafsir Pimpinan Al-Quran Kepada Pengertian Al-Quran Ar-Rahman Edisi Ke Lapan. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, 1987.
- Ali Mahfuz, Muhammad Jamal Al-Din, Al-Askariyyah Al-Islamiyyah wa Nahdasina Al-Hadariyyah. Misr: tanpa tarikh.
- Ali Yaakub Matondang, Dakwah Bil Hal: Satu Pendekatan Strategi. Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia, 2006.
- Ba'albaki, Munir.al-Mawrid, Beirut: Dar al-'Ilm al-Malayin, 1982.
- Baharuddin Ahmad, Tahap Kefahaman Warga UiTM Terhadap Konsep Wakaf: Kajian Kes di Zon Tengah (Selangor, Perak dan Negeri Sembilan). Kertas penyelidikan (tidak diterbitkan). Shah Alam: Universiti Teknologi Mara, 2006.
- Burhanuddin Jalal, Penghayatan Islam Dalam Kalangan Anggota Angkatan Tentera Malaysia. Tesis Doktor Falsafah Fakulti Pengajian Islam UKM. (Bahan tidak diterbitkan). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012.
- Fakhr al-Din, Al-Tafsir Al-Kabir Aw Mafatih Al-Ghayb. Jil. 27. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Tampa tarikh.
- Hamka, Tasauf Moden. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1997.
- Krejcie, R. V & Morgan, D. W, Determine Size For Research Activities. Educational and Psychological Measurement 30: 607-610, 1970.
- Miller, Delbert C. & Salkind, Neil J, Handbook of Research Design and Social Measurement. London. Sage Publication, 2002.
- Razali Othman. Wakaf Tunai: Sejarah Dan Amalan. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.

Shawkani, Muhammad 'Ali Muhammad, Fath Al-Qadir Al-Jami' Bayna Fann Al-Riwayat Wa Al-Dirayah Min 'Ilm Al-Tafsir. Jld. 4. Bayrut: Dar al-Fikr, 1973.

William, Wiersm, Research Method in Education: An Introduction. Boston: Allyn and Bacon, 1986.

#### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*